

**SISTEM PENGURUSAN  
PUSAT SUMBER BAHASA SEKOLAH BERKOMPUTER  
(PUSBAKOM) MENGGUNAKAN PERISIAN dBASE**

Oleh:

**MOHD. ZAKI HJ. AWANG MAT**

**(28695)**

Penulisan Akademik ini dikemukakan bagi memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat untuk mendapatkan Ijazah Bacelor Pendidikan (Pengajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Pertama) di Jabatan Bahasa, Fakulti Pengajian Pendidikan, Unversiti Pertanian Malaysia Serdang, Selangor Darul Ehsan.

1994



## ABSTRAK

PENULISAN ini merupakan satu cadangan ke arah pembentukan sebuah Pusat Sumber Bahasa Sekolah (PSBS) untuk menguruskan bahan-bahan sumber bahasa di sekolah. Tumpuan penulisan telah diberikan kepada dua aspek utama, iaitu proses pembentukan sebuah PSBS berkomputer dan pengaturcaraan perisian Sistem Pengurusan Pusat Sumber Bahasa Sekolah Berkomputer (PUSBAKOM) menggunakan perisian komersil dBASE.

Proses pembentukan PSBS telah dijelaskan dengan terperinci bermula daripada peringkat perancangan sehinggalah kepada pengautomasian dan pelaksanaannya. PSBS perlu ditubuh dan diautomasikan bagi membolehkan kaedah pengurusan konvensional ditukarkan kepada sistem pengurusan berkomputer menggunakan perisian PUSBAKOM.

Secara asasnya, PUSBAKOM mampu mengendalikan lima perkhidmatan utama PSBS, iaitu Pengurusan Katalog, Stok, Sistem Pinjaman, Penjadualan Rancangan Bahasa Melayu di Radio dan Televisyen Pendidikan (TVP) serta Penjadualan Makmal Bahasa. Semua perkhidmatan itu dikendalikan secara berpusat menerusi pangkalan-pangkalan data dalam PUSBAKOM. Perisian ini boleh menggunakan hanya sistem komputer mikro yang sudah dimiliki oleh sesetengah sekolah.

PUSBAKOM telah diaturcara dengan menggunakan bahasa pengaturcaraan perisian dBASE III PLUS versi 1.1 yang mudah dipelajari dan dikuasai oleh guru-guru di sekolah. Ia ditulis dalam bahasa Melayu hampir sepenuhnya sebagai salah satu kemudahan untuk memperluas penggunaannya kepada guru-guru Bahasa Melayu dan para pelajar sekolah-sekolah menengah di negara ini.

Keseluruhannya, penulisan ini merumuskan bahawa PSBS berkomputer perlu diwujudkan di sekolah-sekolah bagi mengambil alih fungsi pengurusan *manual* untuk mempertingkatkan tahap penggunaan bahan-bahan sumber bahasa oleh guru-guru dan para pelajar. PUSBAKOM pula dicadang sebagai perisian untuk menguruskan PSBS berkomputer kerana ia telah dirancang dan diaturcara khusus bagi mengendalikan pelbagai perkhidmatan PSBS secara cepat, mudah, cekap dan berkesan. Usaha penulisan ini adalah untuk membolehkan proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu lebih banyak menggunakan bahan-bahan sumber yang sedia terdapat di PSBS setelah bahan-bahan tersebut diurus secara lebih bersistematik menggunakan sistem komputer yang canggih menerusi perisian PUSBAKOM.